

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 07.04.2015

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI (PANDAN) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengutip cukai tersembunyi ke atas penjualan petrol dan diesel apabila harga yang ditetapkan lebih rendah daripada harga harian mengikut formula Kerajaan dan berapa jumlah yang dikutip sejak Disember 2014.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, harga RON97, RON95 dan diesel di Malaysia pada masa ini ditentukan melalui kaedah *managed float* berasaskan Automatic Price Mechanism (APM). Melalui kaedah ini, harga runcit ditetapkan oleh Kerajaan pada hari pertama setiap bulan berdasarkan purata harga bulan sebelumnya kecuali pada bulan April 2015

di mana Kerajaan telah mengekalkan harga bulan Mac 2015. Dalam sesuatu bulan, sekiranya harga runcit lebih rendah daripada harga sebenar, maka Kerajaan akan menampung perbezaan harga tersebut dalam bentuk subsidi. Sebaliknya, jika harga runcit lebih tinggi daripada harga sebenar, perbezaan tersebut merupakan hasil kepada Kerajaan.

2. Jumlah hasil dan subsidi ke atas petrol dan diesel bagi bulan Disember 2014, Januari 2015, Februari 2015 dan Mac 2015 adalah seperti berikut:-

	Harga Runcit			Jumlah hasil/(subsidi) (RM juta)
	RON95	RON97	Diesel	
Disember 2014	2.26	2.46	2.23	506.2*
Januari 2015	1.91	2.11	1.93	474.0*
Februari 2015	1.70	2.00	1.70	71.7**
Mac 2015	1.95	2.25	1.95	(114.9)**

* Termasuk jumlah *super subsidi* (kepada syarikat pengangkutan, nelayan, bot penumpang dan lain-lain) dan sektor lain yang membayar dengan harga sebenar.

** Anggaran, tidak termasuk jumlah *super subsidi* dan sektor lain yang membayar dengan harga sebenar.